



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2020**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan 7 Jun setiap tahun mulai tahun 2019 yang lalu adalah Hari Keselamatan Makanan Sedunia (World Food Safety Day) dengan slogan “Keselamatan Makanan, Tanggungjawab Bersama”. Slogan ini menumpukan pada kepentingan tanggungjawab bersama ke atas keselamatan makanan bagi memastikan bekalan makanan yang selamat kepada kira-kira lapan (8) bilion penduduk di seluruh dunia pada masa ini.

Di Malaysia, KKM turut mengadakan aktiviti sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia. Pada tahun ini, tema Hari Keselamatan Makanan Sedunia menumpukan kepada Keselamatan Makanan di Pasar (*Safe Food in Markets*) memandangkan pasar merupakan tempat utama orang ramai mendapatkan sumber bahan mentah dan makanan yang menjadi sebahagian dari rangkaian makanan. Tema pada tahun ini amatlah bersesuaian kerana sumber bahan mentah dan makanan merupakan keperluan asas rakyat yang perlu dikawal daripada aspek keselamatan dan kualitinya. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2019 terdapat sebanyak 480 pasar awam termasuk pasar basah dan pasar kering di seluruh negara yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

Pelbagai punca pencemaran dari mikroorganisma, kimia dan fizikal boleh berlaku di pasar sekiranya pengendalian bahan mentah dan makanan tidak dikendalikan dengan bersih dan selamat. Penjagaan kebersihan dan keselamatan makanan di pasar terutamanya di sepanjang rantai bekalan makanan adalah amat penting. Maka pihak yang bertanggungjawab mengendalikan pengurusan di pasar serta peniaga perlu sentiasa memastikan kebersihan sumber bekalan dan makanan yang dijual.

Perancangan aktiviti kesedaran keselamatan makanan di pasar akan dijalankan di setiap negeri. Selain itu juga, KKM akan bekerjasama dengan pelbagai agensi yang berkaitan bagi mewujudkan satu **Garis Panduan Pasar Bersih dan Selamat** sebagai rujukan serta panduan kepada pengurusan dan peniaga di seluruh Malaysia. Dengan panduan ini, tahap kebersihan dan keselamatan makanan di pasar dapat dipertingkatkan sekaligus meningkatkan keyakinan pengguna. **Pertandingan Pasar Bersih dan Selamat Peringkat Kebangsaan** turut akan dilaksanakan melibatkan pasar di seluruh negara.

KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) bertanggungjawab untuk memastikan makanan dan bahan mentah di pasaran tempatan mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Hasil pemantauan KKM dari 2018 sehingga Jun 2020, sejumlah 20,492 sampel makanan dan bahan mentah termasuklah daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan di pasaran tempatan telah dianalisa dan didapati sebanyak 853 sampel tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. KKM akan meningkatkan pemantauan ke atas makanan dan bahan mentah di pasaran tempatan bagi memastikan pematuhan ke atas Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

BKKM turut melancarkan Garis Panduan Pengiklanan Makanan sebagai rujukan kepada semua pengeluar dan penjual produk makanan. Peniaga di pasar, pasar raya, kedai runcit serta agen pengiklanan turut terlibat dalam mematuhi garis panduan yang diberikan berhubung pengiklanan makanan. Garis Panduan ini diwujudkan bagi menerangkan tata etika pengiklanan makanan yang betul selaras dengan kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Terdapat kekeliruan di kalangan pengeluar dan penjual makanan apabila mempromosikan produk makanan dengan menyertakan pernyataan berkaitan kualiti dan tuntutan kesihatan yang tidak dibenarkan serta mengelirukan pengguna. Pelbagai kesalahan telah dikesan dalam pengiklanan makanan seperti pernyataan 'ketulenan' produk dan akuan kesihatan yang boleh mencegah dan menyembuhkan penyakit. Dari tahun 2018 hingga 19 Jun 2020, sebanyak 71 amaran telah dikeluarkan oleh KKM terhadap pengiklanan yang menyalahi Akta Makanan 1983. Di samping itu, sebanyak 151 laman web dan 319 akaun media sosial seperti Facebook dan Instagram telah disekat oleh pihak KKM dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

KKM akan terus memperkukuhkan lagi kawalan keselamatan makanan negara bagi memastikan rakyat Malaysia terus menikmati makanan yang selamat. Semua pihak yang terlibat mempunyai tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam usaha memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantai makanan seperti mana tema Hari Keselamatan Makanan Sedunia pada tahun ini iaitu "**Keselamatan Makanan Adalah Tanggungjawab Bersama**".

YB DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
3 SEPTEMBER 2020